

Negara Islam dan Asean tetap diutamakan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MALAYSIA perlu mengubahsuaikan pendekatannya dalam hubungan luar dengan memberi keutamaan tertinggi kepada perhubungan dengan negara-negara ASEAN dan dunia Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, ASEAN mempunyai peranan penting dalam menstabilkan keadaan di Asia Tenggara dan dalam konteks serantau ini, Malaysia, melalui ASEAN, dapat berusaha mencari penyelesaian terhadap masalah Kampuchea.

"Walaupun terdapat, kita tidak akan menerima tindakan sebarang negara jiran melanggar negara tetangga untuk mendirikan sebuah Kerajaan boneka," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sebagai sebuah negara Islam, Malaysia tidak boleh berpisah dengan dunia Islam.

Katanya, beliau sedar tentang kelemahan dan perpecahan yang berlaku dalam dunia Islam, tetapi sikap Malaysia ialah tidak memihak

kepada sesiapa pun dan ia bersedia menjadi orang tengah atau pendamai jika diperlukan.

Sesuai dengan sikap berkecuali itu, Malaysia akan terus memainkan peranannya dalam gerakan berkecuali yang merupakan keutamaan ketiga dalam dasar luar negara. Mengenai Komonwel, Perdana Menteri berkata, walaupun pergerakan itu kini "hidup sekan," Malaysia tetap akan memainkan peranannya dalam pembangunan negara-negara kecil.

Dalam hubungan ini, beliau akan menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komonwel Peringkat Wilayah di Fiji bulan depan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegaskan, Malaysia akan terus meningkatkan hubungan dua hala kerana banyak masalah boleh diselesaikan melalui rundingan dua hala daripada berbagai hala.

"Hubungan dua hala untuk projek-projek tertentu akan diteruskan seperti hu-

bugan dengan Mali di Afrika dan beberapa negara lain di Pasifik," ujarnya.

Menyentuh soal 'Order Baru Ekonomi Dunia,' beliau berkata, Malaysia menawarkan konsep Dasar Ekonomi Barunya yang bertujuan mengimbangi pendapatan dan membasmikan kemiskinan.

Beliau menjelaskan, negara perlu menentukan keutamaannya seperti juga negara-negara lain menentukan keutamaan masing-masing memandangkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku di dunia.

Menurutnya, negara kini tidak lagi bergantung kepada kekuatan dan pertolongan negara-negara Komanwel sehingga sebahagian besar perdagangannya bukan dengan negara berkenaan.

"Malaysia tidak lagi bergantung kepada timah dan getah sebaliknya telah menjadi pengeluar minyak sawit, petroleum, balak dan barang-barang buatan. Sementara ekonomi negara ini tidak lagi bergantung dikongkong sepenuhnya oleh orang asing atau sesuatu

kaum.

Mengenai dasar 'Pandang Ke Timur' Kerajaan, Perdana Menteri berkata, kajian perlu dibuat untuk menentukan apa yang dapat diterima dan diamlakan dari Timur dan apa yang hendak ditinggalkan dari Barat.

"Barat tidak lagi boleh menjadi contoh sepenuhnya kerana sejak penyerapan nilai Barat, kerajinan sudah dipandang rendah dan dihina terutama oleh generasi muda," ujarnya.

Katanya, memandang ke Timur juga berarti melihat diri sendiri dengan memupuk nilai-nilai baik dan mengikliskan segala sifat yang tidak menafaati.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, dalam penyerapan sifat kerajinan dan ketertiban serta ketekunan kerja dan kecekapan pengurusan dari negara-negara Timur seperti Jepun dan Korea Selatan, nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam tetap akan dijauhkan.

"Hanya nilai-nilai yang dipandang tinggi dan dituntut oleh agama akan diserapkan," tambahnya.



BEKAS Perdana Menteri, Tun Hussein Onn (kanan) tersenyum saja sewaktu bergurau senda dengan beberapa tokoh politik yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO Ke-33 di Kuala Lumpur, semalam.

Mereka ialah, dari kiri: Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang baru, Encik Anwar Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohammad Nasir, Pegawai Penyelidik UMNO, Nik Mahyuddin dan seorang wakil Perlis, Encik Ahmad Osman. — Gambar Berita Harian.